

SKEMA JAWAPAN

Bahagian A : Sistem dan Aplikasi Bahasa

[35 markah]

Soalan 1 : Morfologi

Kata adjektif

1. popular
2. seronok
3. sihat

(pilih satu sahaja)

Kata hubung

1. yang
2. dengan
3. dan
4. serta

(pilih satu sahaja)

Kata pemerli

1. ialah
2. adalah

(pilih satu sahaja)

Soalan 2 : Sintaksis

1. FN+FN
2. FN+FK
3. FN+FA
4. FN+FSN
5. FN+FA
6. FN+FK

Soalan 3 : Penyuntingan

Petikan 1

- | | | |
|-----------------------------|---|---------------------|
| 1. hingga ke | - | hingga |
| 2. pelbagai jenis kuih-muih | - | pelbagai jenis kuih |
| 3. ayam kari | - | kari ayam |
| 4. abang masak | - | dimasak oleh abang |
| 5. kemegahan | - | kesyukuran |
| 6. cermelang | - | cemerlang |

Petikan 2

- | | | |
|-------------------------|---|-------------------------------|
| 1. bersetuju | - | berkenan |
| 2. paling meriah sekali | - | paling meriah / meriah sekali |
| 3. cermat | - | bijak |
| 4. kerajaan sediakan | - | disediakan oleh kerajaan |
| 5. demi untuk | - | demi / untuk |

Soalan 4 : Bahasa Melayu Standard

Telah kedengaran hingga benua Siam bahawa Melaka merupakan sebuah negeri **besar/berkuasa** yang tidak dapat ditakluki **olehnya/Siam, lalu/kemudian** Paduka Bubunnya pun menyuruh utusannya ke Melaka untuk meminta surat sembah.

Tetapi / Namun / Walau bagaimanapun Sultan Muzaffar Syah **tidak mahu/enggan** menyembah kepada benua Siam.

Lalu/Kemudian Raja Benua Siam **terlalu/sangat/sungguh/amat** marah, lalu menyuruh **berlengkap/bersiap sedia/bersiap siaga** untuk menyerang Melaka; Awi Cakri nama panglimanya, membawa rakyat **terlalu/sangat/amat/sungguh banyak/ramai** yang tidak terkira **banyaknya/ramainya/jumlahnya**.

Soalan 5 : Peribahasa

1. ada gula ada semut
 2. menangguk di air keruh / cekik darah / menahan lukah di penggentingan.
 3. bertemu buku dengan ruas
- (peribahasa lain tidak diterima)*

Bahagian B : Pemahaman

[35 markah]

Soalan 6 : Petikan Umum

[12 markah]

- (i) Maksud rangkai kata *tindakan awal*
- | | | |
|----|---------------------------|----|
| P1 | langkah / usaha permulaan | 2m |
| P2 | langkah/usaha awal | 1m |
| P3 | tindakan permulaan | 1m |
- (ii) Persamaan amalan cara hidup sihat
- P1 mengamalkan pemakanan yang seimbang dan berkhasiat
diet yang seimbang / diet seharian (**diterima**)

Perbezaan amalan cara hidup sihat

Bahan 1

- P2 pemeriksaan kesihatan berkala sekurang-kurangnya tiga kali setahun
Pengambilan makanan mengikut piramid makana (**diterima**)

Bahan 2

- P3 maklumat penjagaan diri dan pemakanan diperolehi daripada beberapa laman sesawang.

Catatan :

Jawapan wajib ada 1 jawapan persamaan daripada kedua-dua bahan. 1 jawapan perbezaan daripada mana-mana bahan.

[maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

- (iii) **Peranan pihak sekolah** menimbulkan kesedaran murid tentang kepentingan menjaga kesihatan diri :

- P1 mengadakan ceramah tentang penjagaan kesihatan diri lebih kerap.
P2 menerapkan isu penjagaan diri dalam setiap subjek yang diajar di sekolah.
P3 menjalinkan kerjasama dengan Kementerian Kesihatan / Pusat Kesihatan Daerah untuk mendedahkan kepentingan menjaga kesihatan diri.
P4 mengadakan pertandingan tentang penjagaan kesihatan diri.

[maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

- (iv) Langkah-langkah yang boleh dilakukan oleh rakan saya ;

- P1 mendapatkan rawatan yang sewajarnya.
P2 berjumpa dengan doktor / pergi ke klinik / hospital.
P3 mencari maklumat tentang penyakit yang dihadapinya.
P4 mendapatkan nasihat daripada orang berpengalaman tentang penyakit tersebut.

[maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Soalan 7 : Petikan Sastera

[13 markah]

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, dua tanggungjawab pewaris kepada gelanggang;
- P1 memastikan kegemilangan negara dikecapi pada peringkat dunia/
kecemerlangan tercerna di persada arena.
- P2 memastikan Malaysia terbina sebagai negara yang harmoni dan dihormati/
membina sebuah negara bangsa yang harmoni dan dihormati.

[maksimum : 2 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

- (ii) Kelebihan PLKN;
- P1 membina dan mengukuhkan semangat patriotik dalam kalangan generasi muda.
- memupuk perpaduan kaum serta integrasi nasional
 - membentuk perwatakan positif kaum serta integrasi nasional
 - membentuk perwatakan positif menerusi nilai-nilai murni.

Kepentingan menjaga perpaduan negara

- P2 menyatupadukan pelbagai kaum di negara kita.
- menyelamatkan negara daripada ancaman luar.
 - negara akan harmoni dan dihormati.

[maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

- (iii) Ciri-ciri negara yang anda harapkan;
- P1 bebas daripada rasuah.
- P2 maju dalam bidang pendidikan.
- P3 ekonomi negara yang kukuh.
- P4 sistem ketahanan negara yang kuat dan kukuh.
- P5 negara yang bebas daripada jenayah.
- P6 perpaduan yang erat dalam kalangan rakyat.

[maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

- (iv) Pendekatan-pendekatan yang saya ambil;
- P1 menerangkan kelebihan PLKN.
- P2 mendapatkan nasihat daripada orang yang pernah menyertai program ini.
- P3 mencari maklumat tentang kelebihan PLKN.
- P4 menghantar rakan kepada kaunselor.
- P5 memujuk rakan untuk menyertai program ini.

[maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Soalan 8 : Novel

[10 markah]

- 8 (i) Khasiat dalam sayur-sayuran dan ulam-ulaman;
- P1 dapat menyelenggara tisu-tisu kulit, mata, tulang dan otak.
 - P2 mengandungi banyak serat
 - P3 kurang kalori
 - P4 kaya dengan sumber vitamin C dan vitamin A.
 - P5 kaya dengan asid folik dan zat galian

[maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

8 (ii)

1. Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
3. Berikan **1 markah** bagi **setiap peristiwa** yang betul / jelas / tepat.
4. Berikan **1 markah** bagi **setiap sebab** / penjelasan / huraian yang betul / jelas / tepat.
5. Markah isi maksimum 4 markah.
6. Markah bahasa maksimum 2 markah.
7. Markah bahasa diberi secara *impression*.
Baik : 2 markah
Lemah : 1 markah
8. Jika calon menjawab dan markah isi 0m, beri 1 markah untuk bahasa.
9. Calon yang tidak menjawab 0 markah.

Soalan 9 : Rumusan

[30 markah]

Pendahuluan

Rumusan membincangkan peranan PIBG, usaha-usaha menggalakkan ibu bapa bergiat aktif dalam PIBG dan kepentingan PIBG di sekolah.

Isi tersurat

Bahan 1 : Petikan (*peranan PIBG*)

1. sebagai wahana yang membolehkan ahli berkongsi maklumat.
2. mengadakan program-program yang dapat menemukan ibu bapa dengan guru-guru yang mengajar anak-anak mereka.
3. dapat merapatkan hubungan sesama ibu bapa.
4. menjadi perantara pihak tertentu dengan pihak sekolah.
5. melengkapkan prasarana fizikal sekolah.
6. menubuhkan tabung pendidikan.
7. membantu dalam menjayakan sesuatu program.
8. membantu pihak sekolah untuk meningkatkan kecemerlangan akademik, sahsiah dan kokurikulum.

Bahan 1 : Petikan (*usaha-usaha menggalakkan ibu bapa bergiat aktif dalam PIBG*)

1. menyediakan laman sosial PIBG.
2. menyediakan bilik PIBG yang kondusif.
3. menyediakan sijil kepada ibu bapa yang melibatkan diri dalam program sekolah.
4. Pihak sekolah boleh memberikan latihan profesionalisme kepada ahli PIBG.

Bahan 2 : Bahan Grafik (*kepentingan PIBG di sekolah*)

1. Orang tengah antara ibu bapa dengan guru.
2. membantu kebajikan sekolah.
3. Pemantau dan penilai perjalanan sekolah.
4. membantu murid-murid kurang kemampuan.
5. meningkatkan keceriaan sekolah.

Penutup

Kesimpulannya, PIBG perlu bekerjasama dengan pihak sekolah dalam semua perkara agar dapat melahirkan murid yang cemerlang.